

SALVENT HFA INHALER

Salbutamol (100mcg/sedutan)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Salvent*
2. Bagaimana *Salvent* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Salvent*
4. Cara menggunakan *Salvent*
5. Semasa menggunakan *Salvent*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Salvent*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Salvent*

Salvent digunakan untuk melegakan dan mencegah gejala asma.

Bagaimana *Salvent* berfungsi

Salvent mengandungi salbutamol yang berfungsi dengan mengendurkan otot dalam saluran udara paru-paru. Ia membantu untuk memastikan saluran udara terbuka, dan memudahkan pernafasan.

Sebelum menggunakan *Salvent*

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil *Salvent* jika anda hipersensitiviti kepada mana-mana bahan kandungan *Salvent*.

Mengandung dan menyusukan anak

Penggunaan *Salvent* semasa mengandung hanya boleh dipertimbangkan sekiranya faedah yang dijangka kepada ibu melebihi potensi risiko terhadap janin.

Salvent mungkin dirembeskan ke dalam susu ibu. Oleh itu, gunakan dengan berhati-hati semasa menyusukan bayi.

Sebelum mula menggunakan *Salvent*

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai tirotoksikosis (jumlah hormon tiroid berlebihan).

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ini termasuk:

- *Monoamine oxidase inhibitors* atau *tricyclic antidepressants* (untuk merawat kemurungan),

atau baru berhenti dalam masa 2 minggu penggunaan ubat-ubat ini.

- Penghalang beta seperti propranolol (untuk merawat tekanan darah tinggi)
- Derivatif xanthines (untuk merawat asma)
- Steroid
- Diuretik (pil air)

Cara menggunakan *Salvent*

Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Untuk melegakan episod bronkospasma (penyempitan saluran udara dalam paru-paru) akut Dewasa

1-2 sedutan seperti yang diperlukan. Bergantung kepada permintaan, maksimum 8 sedutan dalam masa 24 jam.

Untuk mencegah bronkospasma teraruh alergen atau latihan

Dua sedutan 15 minit sebelum senaman, atau pendedahan kepada alergen.

Kanak-kanak

Separuh dos dewasa.

Untuk penyelenggaraan kronik atau terapi pencegahan Dewasa

1-2 sedutan 4 kali sehari

Kanak-kanak

Separuh dos dewasa

Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan hipokalemia (paras kalium darah yang rendah). Tahap kalium dalam darah perlu dipantau.

Semasa menggunakan *Salvent*

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Salvent*.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *Salvent* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana ubat ini memberi kesan kepada anda.

SALVENT HFA INHALER

Salbutamol (100mcg/sedutan)

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Salvent* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan termasuk:

- Menggeletar ringan
- Sakit kepala
- Bronkospasma paradoks (pernafasan bertambah teruk)
- Angioedema (bengkak pada lapisan dalam kulit)
- Urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbul)
- Hipotensi (tekanan darah rendah)
- Pengsan
- Hipokalemia (kekurangan kalium dalam aliran darah)
- Kerengsaan mulut dan tekak
- Aritmia kardium (denyutan jantung tidak teratur)

Jika mana-mana kesan sampingan bertambah serius, atau jika anda perasan apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* →*Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Salvent*

Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C.

Jangan simpan ubat-ubatan di bilik mandi, atau berhampiran sink, atau pada ambang tingkap.

Jangan biarkan ia di dalam kereta terutamanya pada hari-hari panas. Haba

dan kelembapan boleh merosakkan ubat-ubatan.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Satu suspensi aerosol putih homogen untuk penyedutan, dalam propelan HFA-134a, yang dibekalkan dalam bekas bertekanan. Pada pemeriksaan visual tidak harus ada tanda kerosakan fizikal atau kebocoran.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif

Salbutamol Sulphate bersamaan dengan Salbutamol 100mcg

Bahan tidak aktif

Tetrafluoroethane (HFC-134a Propellant)

Nombor MAL: MAL06061684AZ

Pengilang

MEDISPRAY LABORATORIES PVT LTD
344/345 Kundaim Indl. Estate Goa,
403115, INDIA

Pemegang Pendaftaran Produk

PAHANG PHARMACY SDN. BHD.
Lot 5979 Jalan Teratai, 5 ½ Mile Off
Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor
MALAYSIA

Tarikh kemaskini RiMUP

14/01/2016

Nombor Siri

BPFK(R4/1)151215/00493